

14/10/2003

Syor KL diterima

CADANGAN Malaysia bagi dinar emas diterima sebagai mata wang untuk perdagangan dua hala di kalangan negara Islam, semakin mendapat sambutan di peringkat antarabangsa dan yang terbaru dari kalangan ahli perniagaan Asia Barat.

Setiausaha Agung Dewan Perniagaan dan Perindustrian Islam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Aqeel A Al-Jassem, berkata cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, sebagai alternatif bagi penggunaan mata wang untuk urusan pembayaran perdagangan, disokong oleh ahli perniagaan Asia Barat.

"Sebagai ahli perniagaan, kita tidak mempunyai masalah untuk menerima idea menggunakan dinar dalam perdagangan selagi kerajaan (negara Teluk) membenarkan dan menerimanya," katanya selepas menghadiri seminar itu.